

08/05/2003

Kompleks MLNG3 lambang kemegahan

PERASMIAN kompleks loji terbaru gas cecair asli (LNG) bersepadu Petronas di Bintulu dikenali sebagai MLNG3 oleh Perdana Menteri hari ini, memantapkan lagi penerokaan, pengaliran dan penjualan khazanah bumi negara. Ia menjadikan loji itu sebagai pusat pengendalian LNG terbesar tunggal dunia dan petanda negara sebagai pembekal boleh dipercayai, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Faktor yang menguntungkan adalah bekalan gas cecair asli itu sudah pun mempunyai pembeli dengan pelanggan utama syarikat penjana kuasa di Jepun, Korea Selatan dan Taiwan. Itupun, Petronas sedang giat berusaha mencari pasaran baru berikutan keupayaan loji MLNG3 yang mencapai 23 juta tan setahun. Petronas juga berusaha meningkatkan daya saing syarikat berikutan kemunculan pengeluar baru di pasaran dunia. Ini ditambah lagi dengan hakikat semakin banyak negara seperti India dan China sedang membina kemudahan bagi membeli dan menggunakan LNG untuk menjana kuasa dan keperluan industri.

Aspek ini amat penting kerana penggunaan LNG di dalam negara kita amat terbatas. Oleh kerana kandungan methananya yang tinggi ia sehingga kini belum ada nilai hiliran tidak seperti gas petroleum asli (LPG) yang mengandungi banyak bahan propane dan butane selain ia boleh pula digunakan

bagi memasak di rumah. Satu lagi perkara yang turut membanggakan berkaitan

MLNG3 ialah betapa kerjasama erat Petronas dengan rakan kongsi asing termasuk syarikat berbilang negara Shell, Nippon Oil dan Diamond Gas menjadi alat berkesan dan strategik dalam pembangunan negara. Ia juga lambang kejayaan negara mengubah asas tunjang ekonomi daripada berasaskan